

**SOALAN NO. : 49**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]**

**TARIKH : 3 Nov 2015**

**RUJUKAN :**

**SOALAN:**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah kesan dan akibat yang telah berlaku ke atas persekitaran kesan daripada masalah hakisan yang berlarutan sejak beberapa waktu di sepanjang pantai antara Minyak Beku dengan Rengit dalam Parlimen Batu Pahat. Apakah langkah-langkah yang telah diambil menunjukkan kesungguhan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah sedia maklum berkaitan isu hakisan persisiran pantai terutamanya kepada sektor pelancongan dan infrastruktur awam khasnya Parlimen Batu Pahat dan Negeri Johor amnya.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil tindakan penyelesaian secara jangka pendek dan jangka masa panjang.

Bagi tindakan jangka pendek untuk kawasan persisiran pantai di Pantai Senggarang, Mukim Minyak Beku, Batu Pahat ialah dengan membina benteng penahan hakisan lapis lindung batu (*rock revetment*, dinding konkrit dan pemecah ombak dilokalisasi yang bersesuaian). Kementerian juga memperuntukkan kerja-kerja selenggara ban pantai setiap tahun di kawasan untuk keselamatan awam.

Bagi langkah jangka panjang, tindakan yang dilaksanakan adalah melibatkan penguatkuasaan kepada kelulusan pembangunan terkawal di kawasan pantai. Sebarang pembangunan perlu mematuhi garis panduan Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (*Integrated Shoreline Management Plan - ISMP*) Negeri Johor. Garis panduan ini digunakan sebagai rujukan kepada JPS, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi yang berkaitan bagi tujuan kelulusan sebarang projek pembangunan di persisiran pantai.

---